

Bonus perlu ikut merit, sektor perkhidmatan

Seremban: Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC), semalam, mencadangkan pemberian bonus kepada penjawat awam dilaksanakan mengikut merit dan sektor perkhidmatan.

Presiden MAAC, Prof Datuk Dr Mohd Idrus Mohd Masirin, berkata perkara itu mungkin boleh dilakukan berdasarkan markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang diperoleh petugas dan prestasi petugas dalam mencapai Penunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan jabatan serta kerajaan.

Katanya, penjawat awam mengalami cabaran sangat besar sejak tiga tahun lalu sehingga kini dengan berlaku kegawatan ekonomi, perubahan tampuk pemerintahan kerajaan dan pandemik COVID-19.

"Pemberian bonus mengikut merit dan sektor perkhidmatan ini bertujuan membantu penjawat awam berpendapatan rendah, sekali gus memastikan ia diagihkan secara adil.

"Ini adalah pengorbanan bukan saja untuk kerajaan dan negara, tetapi khususnya untuk keselamatan serta kesejahteraan ekonomi dan masyarakat.



Pemberian bonus mengikut merit menjadi pemangkin serta inspirasi kepada semua penjawat awam untuk terus berkhidmat dengan cemerlang. (Foto hiasan)

"Namun kini, apa yang kerajaan perlu lakukan ialah mewujudkan persekitaran kehidupan rakyat yang mempunyai kuasa membeli, memiliki dan mampu sara hidup," katanya dalam kenyataan, di sini.

Mohd Idrus berkata, penjawat awam terbukti berkhidmat ce-

merlang ketika negara berdepan pelbagai cabaran dan dengan pemberian bonus mengikut merit dilihat akan menjadi pemangkin serta inspirasi kepada semua penjawat awam untuk terus memastikan kesejahteraan masyarakat dan negara menjadi keutamaan.

Kelmarin, Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Adnan Mat dilapor sebagai berkata, akan memohon Kerajaan Pusat memberikan bonus ditetapkan secara bulanan kepada penjawat awam dan bukannya sebagai bantuan khas kewangan se-



Pengorbanan ini bukan saja untuk kerajaan dan negara, tetapi khusus untuk keselamatan serta kesejahteraan ekonomi dan masyarakat.

Mohd Idrus Mohd Masirin,
Presiden MAAC

perti kelazimannya.

Adnan berkata, isu berkenaan akan diketengahkan ketika pertemuan bersama Kementerian Kewangan pada 7 Oktober ini.

BERNAMA